



**1. PEMBANTU HAIWAN
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
D.3 EB.4-5 (\$900 - \$1,625 SEBULAN)
KEKOSONGAN=1**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Sijil Kebangsaan Peringkat Biasa (NC) atau sebanding dalam bidang Sains Penternakan / Kesihatan Haiwan / Sains Haiwan atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah kelebihan

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.2/D.1 tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.2/D.1 tidak kurang dari 4 tahun.

2. Mempunyai kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.

3. Berkebolehan mengendalikan komputer dan mempunyai pengetahuan dalam bidang teknologi komunikasi maklumat (ICT) adalah kelebihan.

4. Mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam pengurusan dan pemeliharaan ternakan adalah keutamaan.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEMBANTU HAIWAN:

1. Memberi khidmat nasihat dan tunjuk cara berkenaan dengan pengurusan, kesihatan, permakanan dan pemasaran industri ternakan kepada penternak.
2. Bertanggungjawab dalam membantu pegawai membuat kerja-kerja rawatan di ladang ternakan.
3. Membuat kerja-kerja pemantauan ke atas ladang-ladang ternakan.
4. Membantu menyediakan laporan bulanan, suku dan tahunan bagi industri ternakan.
5. Mengendalikan pengumpulan maklumat ternakan, penyakit ternakan dan pengurusan data ternakan.
6. Membantu pegawai melaksanakan kerja-kerja pentadbiran ternakan termasuk kawalan stok barang, permohonan, pembelian dan penerimaan perbekalan.
7. Menerima dan melaksanakan tugas atau lain-lain arahan yang diberikan dari semasa ke semasa oleh Ketua Bahagian / Unit.